

PM umum penubuhan Yayasan ASAL

LANGKAWI 15 Ogos - Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan penubuhan yaysan 'Amanah Saham Anak Langkawi' (ASAL) bagi membantu penduduk Langkawi yang tidak berpeluang mengecap nikmat dari pengisytiharan taraf bebas cukai ke atas pulau itu.

Katanya, yayasan itu akan melaksanakan beberapa pendekatan tertentu bagi membantu golongan tersebut mengecap nikmat dari pembangunan ekonomi di pulau tersebut.

Bercakap kepada para pemberita selepas mendengar taklimat dari Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Haji Khalil Abdul Mutalib di pejabat daerah di sini hari ini, beliau berkata, kerajaan sedar bahawa terdapat kalangan penduduk Langkawi yang tidak berpeluang mengecap nikmat pembangunan kerana tanah-tanah kepunyaan mereka terpaksa dikekalkan untuk dijadikan daya tarikan pelancong.

Sebaliknya pula, ada golongan penduduk yang memperolehi keuntungan besar dari penjualan tanah-tanah mereka kepada para pengusaha selaras dengan pengisytiharan pulau itu sebagai zon bebas cukai.

Perdana Menteri berkata, menyedari hakikat itu, kerajaan perlu membantu golongan itu supaya seluruh penduduk Langkawi akan dapat menikmati pembangunan ekonomi yang sedang berlaku di pulau itu.

Beliau menjelaskan, LADA akan menjadi agensi utama menggerakkan yaysan tersebut dengan menyediakan sebuah tabung untuk mengisi keun-

tungan dari hasil pelaburan yang kemudian akan digunakan untuk membantu para penduduk berkenaan.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, para penduduk tersebut tidak akan dibantu dengan pemberian wang ringgit sebaliknya beberapa pendekatan tertentu telah disediakan dalam usaha menjayakan matlamat yaysan itu.

Beliau bagaimanapun, enggan menjelaskan cara dan pendekatan yang akan dilaksanakan nanti.

Perdana Menteri juga menyatakan rasa puas hati beliau dengan tahap kemajuan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan di pulau itu.

Bagaimanapun, kata beliau, pulau itu mungkin akan menghadapi kekurangan bilik-bilik penginapan sempena pertunjukan udara antarabangsa Maritim Langkawi (LIMA) pada November ini.

Katanya, kerajaan mungkin terpaksa mengadakan tempat tinggal sementara sebagai langkah mengatasi kekurangan itu menjelang pertunjukan tersebut.

Menurutnya, sekurang-kurangnya 1,000 bilik penginapan diperlukan bagi menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada para peserta dan pelancong sempena pertunjukan itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir sebelum itu juga mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua jabatan yang terlibat dalam pembangunan Langkawi.

Beliau adalah dalam rangka lawatan dua hari ke pulau itu bagi meninjau kerja-kerja membina beberapa buah hotel dan lain-lain pembangunan.

Hadir sama ialah bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan Menteri Besar Tan Sri Haji Osaman Aroff selaku Pengerusi Bersama LADA.